

Pulai Springs Resort hidang juadah patriotisme



Antara hidangan promosi, minum petang Merdeka Day Special Hi Tea di Pulai Spring Resort, Johor Bahru.

“Bulan Kemerdekaan bukan saja boleh dihayati masyarakat tempatan, malah mampu menjadi serampang dua mata bagi menarik pelancong”

Charlotte Monterio,
Pengurus Perhubungan Awam Pulai Spring Resort

Johor Bahru: Sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-56 tahun ini, Pulai Springs Resort kini tampil mengadakan promosi minum petang Merdeka Day Special Hi-Tea dengan menampilkan juadah berunsurkan patriotisme.

Promosi itu akan diadakan mulai jam 12 tengahari hingga 3 petang pada 31 Ogos ini di resort berkenaan.

Pengurus Perhubungan Awam Pulai Spring Resort, Charlotte Monterio, berkata promosi terbabit diadakan bagi menyemarakkan rasa cinta terhadap negara dalam kalangan pelanggannya terutama sempena bulan kemerdekaan negara.

Pikat pelancong

“Bulan Kemerdekaan bukan saja boleh dihayati masyarakat tempatan, malah mampu menjadi serampang dua mata bagi menarik pelancong luar ke dalam negara.

“Sehubungan itu, bagi meraikan keistimewaan Hari Kemerdekaan ke-56, pelbagai acara diatur bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan negara termasuk menerusi promosi makanan yang kami sediakan,” katanya.

Monterio berkata, promosi Merdeka Day Special Hi-Tea ini akan diadakan di Restoran Glene-

gles Terrace dengan menawarkan hidangan serendah RM40 untuk orang dewasa dan RM20 bagi kanak-kanak.

Katanya, juadah istimewa itu menampilkan pelbagai hidangan berunsurkan patriotisme termasuk nasi goreng Cina, pasta aglio olio, ayam goreng enak, murtabak mini, mini pizza Itali, dan asam laksa Pulau Pinang.

Aneka kuih

Beliau berkata, sebagai pelengkap kepada juadah patriotisme terbabit, pihaknya turut menyediakan pelbagai aneka pencuci mulut yang disediakan khas bagi menambah keceriaan, sekali gus meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat di negara ini.

“Antara pencuci mulut yang disediakan termasuk puding buah, pai epal, kuih tradisional Melayu, kek bertemakan Malaysia dan pelbagai perisa ais krim.

“Semua juadah ini disediakan khas kepada setiap pelanggan yang mahu bersantai, sama ada bersama rakan atau beristirehat bersama keluarga di sini,” katanya. Mereka yang berminat atau inginkan maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang www.pulaisprings.com.